

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 SEPTEMBER 2016

# Najib puji anggota keselamatan

um - 1/9/2016

**KUALA LUMPUR 31 Ogos** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merakamkan penghargaan khas kepada anggota pasukan keselamatan melalui laman Facebook beliau hari ini.

Beliau memuat naik sembilan keping foto anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tentera Darat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang menyertai acara perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan 2016 di Dataran Merdeka di sini hari ini.

"Tabik hormat! Segak bergaya anggota pasukan keselamatan kita berbaris dan berarak di Data-

ran Merdeka pagi tadi.

"Mereka inilah tonggak yang mempertahankan kemerdekaan negara, menjaga ketenteraman dan keselamatan kita semua," katanya di laman sosial itu.

Lebih 450,000 pengunjung menyaksikan perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan 2016

Ketua Pengarah Penerangan, Datuk Ibrahim Abdul Rahman berkata, jumlah itu merupakan yang tertinggi dalam sejarah penganjuran acara tersebut.

Sambutan itu bermula pukul 8 pagi melibatkan lebih 14,491 peserta perbarisan termasuk 213 aset pertahanan darat dan 35 aset pertahanan udara.

Waktu Solat						
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya						
5.52	7.07	1.16	4.24	7.20	8.30	
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya						
5.55	7.11	1.21	4.26	7.26	8.36	
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya						
5.46	7.03	1.11	4.19	7.14	8.24	
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya						
5.44	7.01	1.07	4.18	7.11	8.20	
<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya						
5.19	6.36	12.42	4.52	6.46	7.55	